

A black and white photograph of a narrow street lined with tall, multi-story buildings. The buildings have various architectural details, including windows with shutters and balconies. A car is parked on the street in the lower right corner. The sky is overcast.

# PENGINJILAN & MISI

*Siri Asas Kepercayaan Kristian*

# **Penginjilan & Misi**

## **Siri Asas Kepercayaan Kristian**

Siri ini mempunyai 18 tajuk yang membincangkan beberapa asas kepercayaan (doktrin) Kristian. Jaroslav Pelikan, seorang ahli sejarah gereja mendefinisikan doktrin Kristian seperti berikut: “Doktrin Kristian adalah apa yang dipercayai dan diajarkan oleh gereja.” Jadi, apa yang kita akan perhatikan adalah kepercayaan-kepercayaan asas tentang kebenaran di dalam ajaran Kristian.

Buku kecil ini disusun sedemikian rupa untuk kegunaan peribadi atau dalam kelompok kecil. Jangan hairan kalau ramai orang Kristian, terutama generasi muda, yang tidak memahami beberapa asas kepercayaan Kristian, sehingga iman mereka mudah diganggu-gugat dan dipesongkan oleh pihak-pihak tertentu.

Semoga buku-buku dalam siri ini akan membantu anda, anak anda serta jemaat gereja anda untuk bertumbuh dalam pemahaman tentang asas-asas kepercayaan Kristian.


Cetakan Pertama: Mei 2015

Dicetak di Malaysia

Petikan Alkitab diambil dari Alkitab Bahasa Malaysia (Berita Baik) dan Alkitab Terjemahan Baru Indonesia.

Hak Cipta © 2015 Wawasan Penabur Sdn Bhd

# Penginjilan & Misi



18....Kepada-Ku telah diberikan segala kuasa di sorga dan di bumi. 19Karena itu pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus, 20dan ajarlah mereka melakukan segala sesuatu yang telah Kuperintahkan kepadamu. Dan ketahuilah, Aku menyertai kamu senantiasa sampai kepada akhir zaman.”  
(Matius 28:18-20)

## A. Beberapa Definisi

**D**i dalam buku ini, kita akan menggunakan beberapa istilah yang mempunyai maksud tersendiri di kalangan orang-orang Kristian. Kami ingin menerangkan terlebih dahulu di sini maksud istilah-istilah yang akan diguna di dalam buku ini. Anda mungkin mendapati mereka juga digunakan di dalam buku lain dengan maksud yang berbeza.

**Penginjilan** (*evangelism*) bermaksud suatu tindakan mengongsikan injil (berita baik) Yesus Kristus agar pendengar akan bertaubat dan kembali kepada Allah. Istilah '**injil atau evangel**' diambil dari perkataan Yunani

'*euangelion*' yang terdapat di dalam Perjanjian Baru dengan maksud 'berita baik' ataupun 'khabar baik'. Para malaikat memberitakan 'injil/evangel' (berita baik) kepada para penggembala kambing pada malam kelahiran Yesus. Anda boleh membaca kisah ini di dalam Lukas 2:10.

'**Bersaksi**' pula merujuk kepada tindakan berkongsi apakah maksud mempercayai Yesus di dalam kehidupan seharian kita. Sama seperti seorang saksi di dalam mahkamah, orang yang bersaksi itu hanya berkongsi pengalamannya tentang kebaikan dan kasih kurnia Allah di dalam kehidupan mereka. Kita semua dipanggil untuk menjadi saksi. Baca Kisah Rasul-Rasul 1:8 untuk mendengar seruan Yesus sebelum Dia diangkat ke syurga.

**Menginjil** (*evangelization*) ialah proses untuk menyampaikan berita baik kepada orang lain agar mereka dapat memberikan respon secara positif. Sebagai contoh, kerja-kerja menginjil di Kampung Orang Asli bermaksud proses membawa injil atau berita baik kepada penduduk Orang Asli di sesuatu tempat.

**Penginjil** (*evangelist*) pula ialah seorang yang mempunyai kurnia Roh Kudus di dalam pelayanan berkongsi berita baik Allah kepada orang yang masih belum mempercayai Yesus sebagai Penyelamat dan Tuhan segala ciptaan. Meskipun ada orang yang dikhususkan oleh Roh Kudus untuk tugas ini, itu tidak bermaksud umat Kristian yang lain boleh lepas tangan begitu sahaja. Ingatlah bahawa kita semua dipanggil

untuk menjadi saksi; kita semua diperintah untuk mengongsikan apa yang Allah telah lakukan di dalam kehidupan kita. Oleh itu, semua orang Kristian diseru untuk terlibat di dalam penginjilan, walaupun bukan semua orang Kristian dikhususkan untuk menjadi penginjil.

Istilah '**evangelikal**' (*evangelical*) pula sering disalah-pakai untuk merujuk kepada beberapa istilah yang disebut di atas. Di Eropah, gereja-gereja yang bukan dari denominasi rasmi (*non-state*) dipanggil sebagai evangelikal. Sebagai contoh, gereja Luteran merupakan gereja rasmi negara Jerman. Gereja cabang pecahan yang lain dipanggil sebagai Gereja Evangelikal Luteran. Istilah tersebut juga boleh digunakan untuk menjelaskan satu pegangan teologi. Seorang evangelikal merupakan mereka yang berpegang kepada kepercayaan bahawa semua doktrin Kristian, kedua-dua iman dan amalan, haruslah berdasarkan Alkitab.

Sekarang kita akan mempertimbangkan satu lagi istilah yang biasa digunakan. Apabila kita menyebut '**misi**' (*mission*), istilah tersebut merujuk kepada tujuan utama Gereja Allah. Gereja Allah di muka bumi mempunyai misi untuk mengisytiharkan Injil.

Istilah '**tugas misi**' (*missions*) pula merujuk kepada strategi dan aktiviti yang dilakukan untuk melaksanakan misi Gereja kepada mereka yang berdekatan dan juga berjauhan dengan kita. Misi tidak hanya terhad kepada penginjilan semata-mata. Ia juga boleh dilakukan di dalam bentuk aktiviti sosial ataupun pembinaan serta perlaksanaan sekolah dan juga hospital. Hampir di

setiap gereja atau denominasi mempunyai Badan Misi yang kadang-kala digabungkan dengan Badan Sosial untuk menjadi Badan Misi dan Sosial. Oleh yang demikian, kita melibatkan diri di dalam tugas misi kerana ia memenuhi misi Gereja.

Minat kita di dalam perbincangan ini ialah penginjilan, misi dan tugas misi. Sebagai ilustrasi untuk menerangkan hubungan ketiga-tiga istilah ini, tugas/usaha misi boleh disamakan dengan strategi permainan di dalam perlawanan bola sepak. Manakala misi pula ialah keseluruhan permainan tersebut – tujuan, peraturan dan tata-tertib permainan. Penginjilan pula boleh disamakan dengan usaha menjaringkan bola ke gawang gol.

## B. Penginjilan

### 1. Apa itu Penginjilan?

Mungkin definisi yang paling tepat untuk menjelaskan penginjilan ialah definisi yang digunakan oleh William Temple, seorang Uskup Agung Inggeris di dalam laporannya *'Towards the Conversion of England'*. Dia menulis seperti berikut:

*'Penginjilan bermaksud memperkenalkan Yesus Kristus di dalam kuasa Roh Kudus, agar manusia akan datang dan meletakkan iman mereka kepada Allah melalui-Nya, menerima Yesus sebagai Penyelamat mereka dan melayani-Nya sebagai Raja di dalam persekutuan gereja-Nya.'*

Mari kita mengkaji beberapa aspek yang dibangkitkan di dalam definisi tersebut.

a) *Penginjilan ialah berita baik tentang Yesus Kristus.*

Perkara ini mungkin tidak asing lagi, akan tetapi apa yang dimaksudkan ialah penginjilan bukanlah pengiklanan tentang sesebuah denominasi, ataupun gereja mahupun negara. Ia bertujuan untuk mempersembahkan kebenaran bahawa melalui kematian dan kebangkitan Yesus Kristus, manusia kini boleh kembali kepada Allah Pencipta.

b) *Penginjilan bergantung sepenuhnya kepada pekerjaan Roh Kudus.*

Manusia tidak mampu membawa orang lain untuk mempercayai Kristus. Kita tidak mampu membuat orang lain untuk percaya. Kita hanya menunjukkan jalan dan Roh Kudus akan membawa pertaubatan, kepercayaan dan pembaharuan. Akan tetapi Tuhan menggunakan kita untuk membawa khabar baik tersebut. Perkara ini seharusnya mendorong serta menjadikan kita rendah diri. Kita harus ingat bahawa bukan kerana kepandaian, pujukan ataupun kaedah kita yang akan membawa kepada orang beriman terhadap Yesus. Pada masa yang sama, kita juga terdorong kerana Allah mampu membawa perubahan di dalam diri mereka yang sangat keras hati. Allah yang maha Agung mengawal semua perkara tersebut.

c) *Penginjilan berpusat kepada Allah*

Alkitab menunjukkan dengan jelas bahawa Allah Bapa ialah pihak pertama yang memulakan keselamatan kita melalui Anak-Nya, kemudian melaksanakan keselamatan tersebut di dalam kita

melalui Roh Kudus. Penginjilan haruslah bertumpu kepada Allah Tritunggal. Dia melaksanakan rancangan yang sempurna kepada Gereja-Nya. Kita tidak mempersembahkan injil dengan sepenuhnya sekiranya Anak Allah ataupun Roh Allah ditekankan secara berlebihan sehingga menenggelamkan Allah Bapa.

- d) *Penginjilan bermaksud umat Allah yang baru disatukan di dalam gereja.*

Sifat kebersamaan penginjilan amat ketara di dalam sejarah awal gereja. Umat Allah yang baru disertakan di dalam keluarga Kristian yang lebih besar. Mereka boleh menjadi orang Kristian secara bersendirian tetapi mereka harus menjalani kehidupan di dalam persekutuan gereja.

- e) *Penginjilan mencabar pendengarnya untuk membuat keputusan.*

Satu keputusan harus diambil. Mereka yang datang kepada Yesus harus memutuskan untuk mentaati-Nya. Kita harus membuat keputusan, sama ada secara segera ataupun sehingga bertahun-tahun. Tetapi lambat-laun sebuah keputusan harus diambil. Anda mungkin masih ingat akan hari di mana anda mengambil keputusan untuk menerima Yesus sebagai Penyelamat, ataupun anda sudah melupakannya. Apa yang penting ialah anda pernah membuat keputusan untuk mengikuti Kristus dan kini anda berada di dalam hubungan yang komited bersama-Nya.



f) *Penginjilan harus diikuti oleh pemuridan.*

Tujuan penginjilan ialah untuk menghasilkan murid Yesus Kristus. Penerimaan injil harus menjadi langkah pertama kepada perjalanan pembelajaran dan pengubahan yang panjang di dalam pertumbuhan seorang anak Tuhan menjadi pengikut Yesus di kalangan komuniti gereja. Orang percaya yang baru itu akan mencari cara untuk melayani Raja di dalam dan juga luar gereja.

## **2. Mengapa Perlu Menginjil?**

Jika anda adalah seorang pengkaji perubatan dan telah berjaya mendapatkan penawar untuk kanser, apakah yang akan anda lakukan? Jika anda ialah seorang ahli arkeologi, dan baru sahaja menjumpai bandar Atlantis yang telah lama hilang, apakah yang akan anda lakukan? Sekiranya isteri anda baru sahaja melahirkan anak anda yang sihat lagi ceria, apakah yang akan anda lakukan? Adakah anda akan menyimpan berita tersebut untuk diri anda sendiri? Tidak mungkin!

Jadi ianya sama dengan anda baru sahaja mengetahui kebenaran bahawa Allah Pencipta telah menghantar Anak-Nya, Yesus untuk mati di kayu salib agar dosa anda dapat diampunkan. Bukan itu sahaja, Dia turut menguatkan anda dengan Roh Kudus untuk menjalani kehidupan yang bermakna di dalam persekutuan bersama Allah yang maha penyayang, berbelas kasihan serta berlimpahan dengan kasih kurnia. Inilah kehidupan sebenar yang akan anda lalui selamanya bersama dengan Dia, sebuah kehidupan

yang telah ditentukan untuk kita jalani sejak daripada penciptaan. Jadi, apakah yang akan anda lakukan? Menyimpannya untuk diri sendiri?

Persoalannya di sini ialah bukan 'kenapa perlu menginjil?' tetapi 'mengapakah kita tidak menginjil?'

### **3. Bersaksi**

Penginjilan ialah sebuah istilah yang besar dan ramai umat Kristian yang merasakan bahawa mereka tidak bersedia untuk memikul tugas yang tampak berbahaya. Pertama sekali, mari kita pelajari tentang bersaksi. Ia merupakan satu tindakan untuk mengatakan bahawa Allah nyata di dalam hidup anda. Perkara yang dikongisikan merupakan kisah hidup anda sendiri. Kita mengalaminya sendiri. Kita tidak payah berlatih ataupun mengkajinya terlebih dahulu.

Bersaksi boleh difahami seperti berikut: katakan anda bercuti selama beberapa hari dan akhirnya kembali ke pejabat. Setibanya di sana, rakan sekerja anda bertanya, "Ke mana kamu menghilang?" Anda hanya perlu memberitahu perkara yang sebenar "Saya telah mengikuti sebuah Persidangan Keluarga Kristian. Kami telah belajar bagaimana untuk membangun perkahwinan dengan bantuan Allah." Tidak susah bukan? Tambahan lagi, kita tidak memerlukan latihan teologi dan kepandaian yang dalam untuk berkata demikian. Perkara seperti inilah yang dikatakan sebagai bersaksi. Bukan syarahan teologi tanpa isu kritikal yang harus diselesaikan. Ia hanya perkara

yang berkaitan dengan ‘apa yang saya lalui’. Rakan sekerja anda tidak akan merasa terancam kerana anda tidak memintanya untuk bersetuju tentang kebaikan persidangan tersebut. Sekiranya Roh Kudus membuat mereka berasa ingin tahu, pasti mereka akan meneruskan perbualan tentang perkara yang serupa dan kemudian anda boleh menceritakan bagaimana Allah telah membantu anda.



Oleh itu, orang di sekeliling anda pasti merasa sesuatu sekiranya anda menjalani kehidupan Kristian secara konsisten di rumah, sekolah, dan juga di tempat kerja anda. Satu hari nanti, pasti ada seseorang yang akan tertarik untuk bertanya kepada anda apakah maksudnya menjadi seorang Kristian. Ya, Roh Kudus mungkin akan berbuat demikian di dalam hati mereka. Ataupun anda mungkin merasakan bahawa orang yang anda kenali sudah bersedia untuk mengambil keputusan untuk menjadi seorang Kristian. Kita akan memperkenalkan dua kaedah yang lazim digunakan untuk mempersembahkan injil secara jelas dan menarik.

#### **4. Dua kaedah untuk mempersembahkan Injil – Pengenalan**

Pemimpin kelas akan menjelaskan kedua-dua kaedah ini kepada anda dengan lebih teliti. Anda juga akan diberikan peluang untuk mempraktikannya bersama seorang kawan. Kita hanya akan membincangkan pengenalan secara ringkas di dalam buku ini diikuti dengan pemahaman umum tentang idea yang harus dikemukakan.

a) Kaedah 'Jambatan Kehidupan'

Kaedah ini merupakan pengenalan secara gambaran yang menunjukkan jurang perpisahan manusia daripada Allah kerana dosa. Usaha manusia untuk menjangkau jurang tersebut adalah sia-sia. Hanya salib Kristus yang mampu menjadi jambatan yang harus dilalui seseorang untuk mendapati kehidupan kekal bersama Allah. Pemimpin kelas akan memimpin anda melalui sebuah pembentangan tentang kaedah 'jambatan' ini.



Berikut merupakan ayat-ayat Alkitab yang digunakan di dalam kaedah ini. Adalah baik untuk anda menghafalnya sebagai persiapan sesi praktikal bersama pemimpin kelas nanti. Tuliskan ayat-ayat tersebut di bawah ini:

Roma 3:23

Roma 6:23

Ibrani 9:27


1 Korintus 15:3,4

Yohanes 5:24

Yohanes 1:12

## b) Kaedah Yohanes 3:16

Kaedah ini turut merupakan pembentangan secara gambaran yang menunjukkan garisan atas mewakili Allah manakala garisan bawah mewakili manusia yang telah jatuh disebabkan dosa. Yohanes 3:16 memberitahu bagaimana Allah telah menghantar Anak-Nya, Yesus, untuk membawa manusia kembali di dalam persekutuan bersama Allah. Hanya satu ayat Alkitab yang digunakan. Sekali lagi, pemimpin kelas akan memimpin anda melalui satu pembentangan tentang kaedah ini.



## 5. Beberapa perkara untuk diingati ketika bersaksi

### a) Idea utama

Idea utama yang harus diingati di dalam pembentangan injil adalah seperti berikut:

- i. Tujuan Allah mencipta manusia ialah untuk menikmati hubungan kasih sayang yang intim bersama dengan mereka.

- ii. Manusia memilih untuk menderhakai Allah dan akibatnya kita terpisah daripada-Nya.
- iii. Perpisahan ini membawa kepada kematian, dari segi rohani dan juga fizikal.
- iv. Kita tidak mampu mendapatkan semula persekutuan dengan Allah dengan usaha sendiri.
- v. Allah telah menghantar Yesus untuk mati di kayu salib bagi kita agar umat-Nya dapat dibawa kembali kepada-Nya.
- vi. Kita akan mengalami pengampunan apabila bertaubat daripada dosa, mengakuinya serta mempercayai bahawa Yesus telah mati untuk kita. Persekutuan dengan Allah akan pulih. Kita akan menikmati kehidupan rohani sekarang dan selamanya bersama Allah Bapa.

#### b) Keputusan dan Doa

Apabila seseorang telah memahami Injil, penting untuk anda meminta mereka membuat keputusan. Akan tetapi, kita tidak seharusnya mendesak sekiranya mereka masih belum bersedia untuk membuat komitmen. Kita harus sanggup menunggu dan berdoa agar Roh Kudus akan terus bekerja di dalam hati mereka untuk membawa keinsafan dan pertaubatan. Ingatlah bahawa tugas anda bukanlah untuk menjadikan orang lain sebagai Kristian. Anda tidak mampu melakukannya. Hanya Roh Allah sahaja yang mampu menyedarkan seseorang akan dosa serta mengubah hidup mereka. Oleh itu, teruskan berdoa untuk membantu mereka masuk ke dalam Kerajaan Allah.

### c) Tindak Susulan

Tugasan anda tidak berakhir ketika pendengar injil memilih untuk mempercayai Yesus. Kita ingin melihat mereka bertumbuh menjadi murid-Nya. Perkara ini kita panggil sebagai tindak susulan (*follow-up*). Orang yang baru menerima Yesus harus dididik tentang pentingnya pembaptisan. Mereka juga perlu dimasukkan di dalam komuniti Kristian. Anda boleh bermula dengan memperkenalkan mereka ke dalam sebuah kelompok kecil. Kaedah ini boleh memberikan mereka skop yang lebih luas tentang perkara yang harus mereka ketahui dan lakukan.

## C. Tugas Misi

### 1. Apa yang Allah Inginkan?

Kita harus bermula dengan kitab pertama di dalam Alkitab, iaitu kitab Kejadian, untuk memahami hati Allah di dalam tugas-tugas misi. Di dalam Kejadian 12:2-3, ketika Allah memanggil Abraham (ketika itu dia dikenali sebagai Abram) Dia telah memberikan tiga janji berkat.

<sup>2</sup>Aku akan memberi engkau keturunan yang banyak dan mereka akan menjadi satu bangsa yang besar. Aku akan memberkati engkau dan menjadikan namamu termasyhur, sehingga engkau menjadi berkat bagi bangsa-bangsa.

<sup>3</sup>Aku akan memberkati orang yang memberkati engkau, dan mengutuk orang yang mengutuk engkau. Melalui engkau, Aku akan memberkati semua bangsa di bumi.

(Kej 12:2-3)



Senaraikan janji-janji tersebut di bawah.

Akan tetapi janji-janji tersebut bukanlah untuk Abraham mengagung-agungkan dirinya sendiri. Apakah tujuan janji-janji tersebut?

Siapakah yang akan mendapat kebaikan/manfaat daripada berkat-berkat Abraham?

Sejak dari awal lagi, kita melihat bahawa hati Allah tertuju kepada semua manusia di muka bumi. Inilah motivasi kita untuk menjalankan tugas-tugas misi pada hari ini. Kebingungan selalunya muncul ketika memilih strategi apakah yang harus diguna-pakai. Rujuk Kisah Rasul-Rasul 1:8. Di manakah kita harus menjadi saksi Yesus?

“Tetapi kamu akan menerima kuasa, apabila Roh Allah datang kepada kamu. Lalu kamu akan menjadi saksi-saksi-Ku di Yerusalem, di seluruh Yudea, dan Samaria, serta sampai ke hujung bumi.” (Kis 1:8)

Yerusalem, Yudea dan Samaria merupakan kawasan yang sangat jauh bukan dari segi geografi, tetapi dari segi budaya. Amanat agung yang Yesus berikan sebelum Dia diangkat ke syurga sering ditafsirkan secara peringkat – menjangkau lebih jauh apabila tugas telah diselesaikan di kawasan pertama.

Akan tetapi, pemahaman kita pada hari ini ialah kawasan yang dimaksudkan harus ditangani secara serentak. Oleh itu, gereja tidak seharusnya hanya menjangkau mereka yang dekat serta mempunyai budaya yang serupa, tetapi harus berusaha untuk membawa Injil Keselamatan Yesus kepada mereka yang mempunyai budaya berbeza yang jauh di luar sana. Ingatlah pada dewasa ini, Tuhan telah membawa mereka yang jauh menjadi dekat dengan kita secara fizikal, walaupun tetap jauh dari segi budaya seperti pekerja Bangladesh dan para pembantu rumah dari Indonesia. Akan ada mereka yang dipanggil oleh Allah untuk menjalankan misi-Nya di Malaysia dan ada juga yang dipanggil untuk melayani-Nya di luar negeri.

## 2. *Situasi Dunia Hari Ini*

Berikut merupakan beberapa statistik untuk menyedarkan kita bahawa **missions** telah melangkah jauh dari masa dahulu hingga ke hari ini.

### a) Populasi Dunia

Dunia sudah mencecah 7.1 bilion manusia (tahun 2013) dan sekurang-kurangnya 16,000 suku bangsa.

- b) Suku yang sudah 'dijangkau'  
Terdapat lebih kurang 9,500 suku bangsa yang telah menerima Injil serta memiliki gereja kuat yang dipimpin oleh para pemimpin tempatan. Mereka komited kepada tugas menginjil kepada suku bangsa yang lain. Terdapat seramai 3.94 bilion (2013) orang yang hidup di dalam komuniti-komuniti sebegini.
- c) Suku yang 'belum/kurang dijangkau'  
Sebanyak 6,500 suku bangsa yang tidak memiliki gerakan gereja tempatan. Ini bermaksud mereka masih belum mendapatkan Injil. Lebih kurang 2.59 bilion orang yang digolongkan di dalam kategori ini.
- d) Keperluan  
Sekurang-kurangnya 5,000 suku bangsa yang masih belum/kurang terjangkau yang memiliki sekurang-kurangnya satu kumpulan penginjil bekerja di kalangan mereka. Setiap suku yang belum terjangkau memerlukan satu kumpulan yang terdiri daripada 4 orang misionaris untuk memulakan gerakan gereja. Ini bermaksud 20,000 orang misionaris yang baru diperlukan.

Setiap misionaris memerlukan sokongan kewangan lebih kurang RM 60,000 setiap tahun untuk pelayanannya. Ini membawa kepada RM 1.2 bilion diperlukan untuk menampung tugas pelayanan mereka. Di Asia, jumlah kasar yang diperlukan adalah lebih kurang RM 35,000 setahun.

Dukungan doa merupakan perkara yang amat penting. Adalah dianggarkan bahawa setiap misionaris baru mahu didoakan selama sejam sehari untuk keperluan pelayanan harian mereka. Ini bermaksud 20,000 jam sehari diperlukan untuk doa syafaat.

e) Sumber-sumber

Daripada jumlah gereja yang ada pada hari ini, kita hanya memerlukan satu misionaris baru daripada setiap 185 gereja untuk mendapatkan 20,000 pekerja baru di ladang Allah.

Umat Kristian sedunia memberikan lebih kurang RM 10.4 bilion kepada kerja-kerja misi. Ini menjadikan jumlah bukan sebanyak RM1,600 setahun sahaja. Untuk mencapai RM1.2 bilion bagi menampung para misionaris baru, kita memerlukan tambahan sebanyak RM320 setahun daripada setiap gereja.

Doa merupakan tanggungjawab untuk semua orang. Sebuah gereja yang mempunyai 80 ahli boleh berdoa selama 5 minit setiap hari untuk mencukupkan 20,000 jam doa syafaat.

f) Menumpukan Usaha Kita

Hasil kajian yang lepas menunjukkan bahawa kebanyakan daripada aktiviti misi tertumpu kepada golongan yang telah dijangkai. Usaha misi moden harus ditumpukan untuk membangunkan gereja di antara setiap suku

bangsa yang belum dijangkau. Golongan ini kemudiannya akan menjangkau mereka yang lain.

Salah satu tumpuan kita ialah kawasan yang sering dirujuk sebagai 'Jendela 10/40'. Istilah ini merujuk kepada kawasan yang terdapat di dalam darjah 10 dan 40 latitud Utara, bermula dari utara Afrika, selatan Sepanyol, Jepun sehingga ke kawasan utara Filipina. Kebanyakan suku yang belum dijangkau terdapat di kawasan ini. Bukan itu sahaja, golongan yang paling miskin juga tertumpu di kawasan yang sama.

Tiga daripada kumpulan agama yang belum dijangkau (Islam, Hindu, dan Buddha) ada di sini.

### **3. *Bagaimana untuk melibatkan diri***

#### **a) Maklumkan diri**

Buat kaji selidik tentang kerja-kerja misi. Kenal pasti di mana serta apakah yang dilakukan oleh organisasi-organisasi misi dan di mana misionaris mereka melayani. Libatkan diri di dalam kursus yang berfokus kepada kerja-kerja misi seperti "Vision for the Nation". Anda boleh bertanya kepada pastor ataupun ketua misi di gereja anda.

#### **b) Libatkan diri**

Cari peluang untuk berbual dengan seorang misionaris. Anda boleh memperlawakan mereka untuk bermalam di rumah anda setiap kali mereka melalui kawasan anda. Minta mereka untuk

mengongsikan visi serta pelayanan mereka kepada anda.

Doakan pelayanan misionaris dan kerja-kerja misi. Anda boleh mendapatkan surat doa yang dikeluarkan oleh organisasi-organisasi misi secara berkala. Khususkan satu masa untuk anda mendoakan mereka. Sekiranya gereja anda juga telah menghantar misionaris ke kawasan-kawasan tertentu, anda juga boleh mendoakan mereka.

Menyumbanglah kepada usaha-usaha misi. Jumlah yang kelihatan sedikit untuk kita mungkin tampak berharga bagi mereka yang berada di dalam pelayanan. Asingkan sejumlah wang untuk disumbangkan kepada pelayanan misi secara berkala.

Libatkan diri secara langsung. Ikutilah misi jangka masa pendek yang dianjurkan oleh gereja anda. Pendedahan yang akan anda terima pasti membuka mata kepada banyak perkara yang lain. Sekiranya Tuhan memanggil anda, taati Dia seperti Abraham ke tempat yang akan Dia tunjukkan. Jangan lupa untuk mendapatkan sokongan daripada gereja anda.

## Soalan Untuk Perbincangan

1. Mengapakah kita tidak menginjil? Bincangkan.
2. “Peningjilan ibarat seorang pengemis memberitahu pengemis yang lain di mana tempat untuk mendapatkan roti.” Apakah pandangan anda terhadap kenyataan ini?
3. “Kenapa sibuk tentang kerja-kerja misi di tempat lain? Ada ramai lagi yang patut diinjil di belakang rumah kita!” Kenyataan ini merupakan perkara lazim yang dikatakan oleh ramai orang Kristian. Apakah jawapan anda?

